

# Saya belajar daripada PM terdahulu: Dr Mahathir

BH - 6 MAY 2002  
Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak berselindung dan akan terus melakukan sesuatu atau bercakap apa yang dirasakan betul walaupun dianggap orang sebagai kurang berdiplomasi.

Beliau berkata, banyak yang dilakukannya dalam tempoh 20 tahun lalu diwarisi daripada Perdana Menteri yang terdahulu atau belajar daripada mereka seperti Almarhum Tuanku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak Hussein.

"Daripada Perdana Menteri pertama, saya belajar bagaimana mengendalikan hubungan kaum. Saya mewarisi pragmatik daripada Perdana Menteri kedua. Beliau (Tun Razak) kerap bercakap mengenai pragmatik iaitu membuat sesuatu yang anda boleh buat, bukan melakukan sesuatu yang anda ingin buat.

"Saya belajar daripada Perdana Menteri yang terdahulu. Tetapi bezanya ialah saya melakukan sesuatu itu lebih kuat daripada yang lain. Menjadi pragmatik adalah Tun Razak dan itu saya pelajari daripadanya.

"Tetapi saya mesti akui bahawa mereka lebih berdiplomasi. saya kurang berdiplomasi. Jika saya rasa sesuatu itu betul dan harus dibuat, saya akan buat dan saya akan nyata-

kan. Itu yang benar-benar berbeza," katanya dalam temu ramah khas yang disiarkan oleh majalah bulanan perniagaan Asia iaitu *Asia-h* dalam keluaran terbaru bagi Mei 2002.

Dr Mahathir berkata demikian sebagai menjawab soalan mengenai pengaruh yang menyumbang kepada kekuatannya dan menjadi pragmatik sejak menyandang jawatan Perdana Menteri 20 tahun lalu.

Katanya, beliau tidak mempunyai sebarang cita-cita besar dalam baki agenda untuk Malaysia dan juga dunia kerana menganggap dirinya sebagai insan biasa yang tidak akan kekal selama lamanya.

"Apa saja yang saya boleh lakukan yang baik untuk sebarang masa, saya akan lakukan. Saya tidak menetapkan sebarang matlamat untuk diri saya. Bagi saya, kepuasan datang apabila melihat sesuatu yang saya rancang itu menjadi kenyataan secara praktikal di depan mata saya.

"Malah, saya tidak meminta untuk diingati. Saya tak kisah sama ada orang akan memikirkan mengenai saya. Saya hanya memikirkan apa yang saya lakukan, mengenai apa yang saya sudah lakukan. Itulah kelebihan saya mempunyai kuasa untuk berupaya melakukan sesuatu," katanya.

Dr Mahathir juga mencecitkan mengenai hobinya

iaitu menunggang kuda yang hanya dimulakan apabila berusia 60 tahun dan tidak mampu untuk berbuat demikian lebih awal kerana faktor masa. Kini beliau berusia 76 tahun.

"Jadi apabila saya mampu, saya mula menunggang. Ia adalah satu-satunya senaman bagi saya kerana saya tidak ada masa. Saya bekerja sepanjang hari dan kebanyakan malam.

"Oleh itu, saya menunggang (kuda) pada hujung minggu. Menunggang tidak seperti main golf yang mengambil masa terlalu panjang. Menunggang cuma sejam atau paling lama dua jam. Sekali sekala saya ke Argentina di mana saya boleh menunggang pagi, petang, untuk beberapa hari," katanya.

Perdana Menteri berkata, sekali sekala juga beliau akan pergi berjalan-jalan, biasanya memeriksa tapak bangunan.

"Saya seronok berjalan untuk melihat semua orang ini melakukan kerja mereka," katanya.

Katanya, sifat semula jadinya sejak kecil ialah ingin tahu mengenai sesuatu dan masih ingat bagaimana beliau semasa budak-budak lagi memerhati kedai bengkel orang Cina berdekatan rumahnya.

"Saya selalu berdiri di tingkap dan memerhati berjam-jam bagaimana mereka bekerja," katanya.